

SIARAN SEGERA

KMI Healthcare Perkukuh Penguasaan dalam Penjagaan Kesihatan Mesra Muslim menerusi Anugerah BrandLaureate World Halal BestBrands 2026

Kuala Lumpur, 29 April 2026 – KMI Healthcare dengan bangganya mengumumkan penganugerahan **The BrandLaureate World Halal BestBrands Awards 2026** bagi kategori *Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Mesra Muslim*.

Pengiktirafan berprestij ini dianugerahkan oleh The World Brands Foundation kepada jenama yang menunjukkan kepimpinan, inovasi serta komitmen cemerlang dalam memajukan ekosistem Halal global. Majlis penyampaian anugerah tersebut telah berlangsung dalam suasana penuh gemilang di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur malam tadi yang menghimpunkan pelbagai organisasi serta peneraju industri dari dalam dan luar negara.

Anugerah ini mencerminkan komitmen berterusan KMI Healthcare dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan beretika dengan penekanan diberikan pada penjagaan pesakit sebagai fokus utama. Seiring dengan perkembangan pesat industri Halal antarabangsa, KMI Healthcare terus komited dalam memenuhi keperluan pesakit Muslim melalui penyampaian perkhidmatan yang berteraskan nilai kepercayaan, integriti serta pematuhan Syariah.

Pengiktirafan ini juga turut mengukuhkan kedudukan KMI Healthcare sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan yang dipercayai, seiring pencapaian organisasi yang kini dalam fasa akhir ke arah pensijilan MS1900:2014 (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Patuh Syariah). Ia juga mencerminkan komitmen berterusan KMI dalam memastikan pesakit sentiasa mendapat layanan dan pengalaman yang positif di Hospital KMI yang dapat memenuhi keperluan perbezaan budaya tanpa membelakangkan tuntutan agama. Usaha ini turut diperkukuhkan melalui inisiatif pembangunan berterusan KMI Healthcare, menerusi pembinaan hospital baharu di Bertam, Pulau Pinang dan Chukai, Terengganu, serta kerja-kerja naik taraf di KMI Taman Desa Medical Centre, Kuala Lumpur dan KMI Tawau Medical Centre, Sabah.

Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, Dr. Rayney Azmi Bin Ali berkata, “Anugerah ini merupakan satu pencapaian yang amat bermakna bagi KMI

Healthcare. Ia mencerminkan komitmen berterusan kami dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bukan sahaja cemerlang dari segi klinikal, malah selari dengan nilai kepercayaan, kualiti dan integriti dalam ekosistem Halal. KMI akan terus mempertingkatkan mutu perkhidmatan demi kesejahteraan komuniti.”

KMI Healthcare akan terus melangkah ke hadapan dengan memacu inovasi serta memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan, bagi memastikan kesejahteraan komuniti sentiasa menjadi keutamaan.

###

MENGENAI KMI HEALTHCARE

Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. juga dikenali juga sebagai KMI Healthcare, adalah penyedia perkhidmatan kesihatan swasta di bawah TDM Berhad yang mengendalikan rangkaian hospital di seluruh negara. Sejak penubuhannya pada tahun 1996 di bawah jenama Kumpulan Mediiman Sdn Bhd, dan kemudiannya distruktur semula menjadi Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd pada tahun 2013, KMI komited dalam menawarkan rawatan perubatan berkualiti tinggi dengan pendekatan holistik, menggabungkan kepakaran klinikal dan pemeliharaan nilai kemanusiaan bagi memenuhi keperluan masyarakat. KMI Healthcare mengendalikan lima hospital komuniti pakar iaitu: -

1. KMI Kelana Jaya Medical Centre ("KMI Kelana Jaya");
2. KMI Kuantan Medical Centre ("KMI Kuantan");
3. KMI Kuala Terengganu Medical Centre ("KMI Kuala Terengganu")
4. KMI Taman Desa Medical Centre ("KMI Taman Desa"); and
5. KMI Tawau Medical Centre ("KMI Tawau").

Setiap hospital yang dikendalikan oleh KMI Healthcare mempunyai bilik persendirian yang menitikberatkan privasi serta keselasaan bagi pesakit dan penjaga. Lokasi hospital KMI juga dipilih secara strategik untuk memastikan ianya mudah diakses oleh masyarakat setempat, manjadiakan KMI Healthcare sebagai Penyedia Perkhidmatan Kesihatan Pilihan yang Dipercayai. KMI Healthcare komited untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi dan cekap dengan harga yang berpatutan. Untuk maklumat lanjut mengenai KMI Healthcare dan hospital-hospital di bawahnya, sila layari laman sesawang di www.kmihealthcare.com, atau hubungi;

Noor Aishah Mustafa
Kumpulan Komunikasi Korporat KMI Healthcare
No. Telefon.: +60176723394
Emel: Aishah.mustafa@tdmberhad.com.my